

RUJUKAN :



D03 DOKUMEN SPESIFIKASI KEPERLUAN SISTEM (SRS)

NAMA SISTEM

(Sertakan nama modul di bawah nama sistem sekiranya dokumen disediakan secara berasingan bagi setiap modul di bawah sistem yang sama)

| | | |
|--------------------------|---|--|
| NAMA AGENSI | : | |
| NAMA AGENSI INDUK | : | |
| TARIKH DOKUMEN | : | |
| VERSI DOKUMEN | : | |

i. Keterangan Dokumen

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyatakan secara ringkas keterangan berkenaan dokumen yang disediakan.

ii. Semakan dan Pengesahan Dokumen

Seksyen ini adalah ruangan bagi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk melakukan semakan dan pengesahan kepada maklumat-maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini. Sila sertakan maklumat seperti nama, jawatan, tandatangan dan tarikh semakan atau kelulusan. Contoh jadual semakan dan pengesahan adalah seperti berikut :

SEMAKAN DOKUMEN

| Disemak Oleh | Jawatan | Tandatangan | Tarikh Semakan |
|---------------------|----------------|--------------------|-----------------------|
| | | | |
| | | | |

PENGESAHAN DOKUMEN

| Disahkan Oleh | Jawatan | Tandatangan | Tarikh Semakan |
|----------------------|----------------|--------------------|-----------------------|
| | | | |
| | | | |

iii. Kawalan Dokumen

Seksyen ini adalah ruangan untuk mencatatkan maklumat-maklumat penyediaan dokumen termasuk maklumat pindaan yang telah dilakukan ke atas dokumen ini. Sila masukkan nombor versi, tarikh, ringkasan pindaan dan nama penyedia di dalam jadual seperti di bawah :

KAWALAN DOKUMEN

| No. Versi | Tarikh | Ringkasan Pindaan | Penyedia |
|-----------|--------|-------------------|----------|
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Penentuan nombor versi adalah bergantung kepada saiz pindaan kepada dokumen yang telah dilakukan. Sekiranya saiz pindaan yang dilakukan adalah kecil ataupun sederhana, perubahan nombor versi hanya melibat perubahan angka selepas titik perpuluhan sahaja, contohnya, perubahan dari nombor versi 1.2 kepada 1.3. Sekiranya pindaan yang dilakukan adalah besar dan melibatkan perubahan kepada kandungan dokumen, gunakan angka nombor yang seterusnya, contohnya, dari nombor 1.2 kepada 2.0.

iv. **Kandungan**

Seksyen ini merupakan ruangan untuk memasukkan maklumat kandungan dokumen berserta nombor muka surat yang terlibat.

v. **Senarai Gambarajah**

Seksyen ini merupakan ruangan untuk memasukkan senarai nombor rujukan bagi gambarajah-gambarajah yang terkandung di dalam dokumen berserta nombor muka surat yang terlibat.

vi. **Senarai Jadual**

Seksyen ini merupakan ruangan untuk memasukkan senarai nombor rujukan bagi jadual-jadual yang terkandung di dalam dokumen berserta nombor muka surat yang terlibat.

vii. **Definisi dan Akronim**

a. **Akronim**

Sub seksyen ini adalah ruangan untuk menerangkan akronim-akronim yang digunakan di dalam dokumen. Contoh jadual bagi senarai akronim adalah seperti berikut :

| Akronim | Keterangan |
|---------|------------|
| | |
| | |
| | |

b. Definisi

Sub seksyen ini adalah ruangan untuk menerangkan definisi bagi terma atau istilah yang digunakan di dalam dokumen. Contoh jadual bagi senarai definisi adalah seperti berikut :

| Terma/Istilah | Definisi |
|---------------|----------|
| | |
| | |
| | |

viii. Sumber Rujukan

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyenaraikan semua sumber-sumber rujukan yang digunakan di dalam penyediaan dokumen ini, contohnya seperti surat pekeliling perkhidmatan, manual prosedur kerja, garis-garis panduan, dokumen-dokumen piawaian ISO/IEC/IEEE dan bahan rujukan lain yang berkaitan.

1. PENGENALAN

1.1. Tujuan Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menerangkan tujuan, objektif dan matlamat sistem aplikasi ini dibangunkan selaras dengan objektif bisnes yang ingin dicapai.

1.2. Skop Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menjelaskan penentuan skop sistem aplikasi yang ingin dibangunkan. Sila rujuk kepada langkah 1b di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

1.3. Senarai Aktor Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyenaraikan aktor-aktor sistem yang terlibat serta keterangan fungsinya di dalam sistem aplikasi yang akan dibangunkan. Sila rujuk kepada langkah 1c di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

2. PEMODELAN FUNGSI SISTEM

2.1. Penggunaan Notasi

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyenaraikan notasi-notasi yang akan digunakan untuk menyediakan Model Fungsi Sistem. Sila rujuk kepada ruangan notasi di **Pemodelan Fungsi Sistem [F2.2]** dan langkah 2a di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

2.2. Rajah Hierarki Fungsian Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan Rajah Hierarki Fungsian Sistem yang merangkumi komponen-komponen seperti sistem, subsistem, fungsi, modul, submodul dan transaksi. Sila rujuk kepada langkah-langkah dalam **Pemodelan Fungsi Sistem [F2.2]** dan langkah 2b di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

2.3. Jadual Pepadanan Aktor Dengan Fungsi Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan Jadual Pepadanan. Sila rujuk kepada langkah-langkah dalam **Pemodelan Fungsi Sistem [F2.2]** dan langkah 2c di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

3. PEMODELAN USE CASE

3.1. Penggunaan Notasi

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyenaraikan notasi-notasi yang akan digunakan untuk menyediakan Model Use Case. Sila rujuk kepada

Pemodelan Use Case [F2.1] dan langkah 2a - perkara i di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

3.2. Model Use Case

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan Model Use Case yang terdiri daripada Rajah Use Case serta keterangan bagi use case yang terlibat. Sila rujuk kepada langkah-langkah di bawah **Pemodelan Use Case [F2.1]** dan langkah 2a - perkara ii di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

4. PEMODELAN MAKLUMAT

4.1. Penggunaan Notasi

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyenaraikan notasi-notasi yang akan digunakan untuk menyediakan Model Maklumat. Sila rujuk kepada **Pemodelan Keperluan Data [F2.3]** dan langkah 3a - perkara i di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

4.2. Model Maklumat

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan Model Maklumat yang terdiri daripada Rajah Hubungan Entiti. Sila rujuk kepada langkah 1 sehingga langkah 3 di bawah **Pemodelan Keperluan Data [F2.3]** dan langkah 3a - perkara ii di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

4.3. Definisi Kamus Data

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan dan melengkapkan Definisi Kamus Data bagi setiap entiti dan atribut yang telah disediakan di dalam Rajah Hubungan Entiti. Sila rujuk kepada langkah 4 di bawah **Pemodelan Keperluan Data [F2.3]** dan langkah 3a - perkara iii di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini. Sila rujuk juga kepada contoh format templat di **Apendiks 3 - Templat Definisi Kamus Data**.

5. PEMODELAN PROSES SISTEM

5.1. Penggunaan Notasi

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyenaraikan notasi-notasi yang akan digunakan untuk menyediakan Model Proses Sistem. Sila rujuk kepada

Pemodelan Proses Sistem [F2.4] dan langkah 4a - perkara i di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

5.2. Model Proses Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan Model Maklumat yang terdiri daripada Rajah Konteks dan Rajah Aliran Data. Sila rujuk kepada langkah 1 sehingga 3 di bawah **Pemodelan Proses Sistem [F2.4]** dan langkah 4a - perkara ii di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

5.3. Definisi Aliran Data

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan dan melengkapkan Definisi Aliran Data. Sila rujuk kepada langkah 4 di bawah **Pemodelan Proses Sistem [F2.4]** dan langkah 4a – perkara iii di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini. Sila rujuk juga kepada contoh format templat bagi penyediaan Definisi Aliran Data di **Apendiks 5**.

6. PENENTUAN KEPERLUAN BUKAN FUNGSIAN

6.1. Jadual Ciri-ciri Kualiti Sistem

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan dan melengkapkan jadual keperluan bukan fungsian yang merangkumi tiga aspek utama iaitu aspek sistem, aspek dalaman dan aspek luaran. Sila rujuk kepada langkah-langkah di bawah **Penentuan Keperluan Bukan Fungsian [F2.5]** dan langkah 6 di dalam **Penyediaan Spesifikasi Keperluan Sistem [F2.6]** untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

7. PENENTUAN SAIZ SISTEM APLIKASI

Seksyen ini adalah ruangan untuk menyediakan Pengiraan Saiz Sistem Aplikasi dengan menggunakan kaedah *Function Points Analysis*. Sila rujuk kepada bab 8 di dalam **Langkah-langkah Pengiraan Saiz Fungsian Sistem Aplikasi di Fasa Analisis** bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkenaan cara-cara untuk melengkapkan seksyen ini.

8. LAMPIRAN

Seksyen ini merupakan ruangan untuk menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dirujuk seperti format borang fizikal, format laporan dan pelbagai lagi dokumen-dokumen lain yang berkaitan.